



TULISAN: SAIFUL HAMIRUZZAMAN MOHD HAZIR (PERHUNING KESELAMATAN DAN PERTAHANAN DIRI AKADEMI KICKSTART DAN THE GREEN HORNET)

Elak jadi 'mangsa siber'


SELAMAT Menyambut Tahun Baru 2012. Menjelang tahun baru, saya percaya ramai yang banyak berbelanja untuk persediaan persekolahan anak. Ada yang baru pulang bercuti dan rakan beragama Kristian pula meraikan Hari Krismas. Semuanya berjalan lancar seperti yang dirancangkan. Namun, ada yang kurang bernasib baik seperti dilaporkan media cetak dan elektronik apabila rumah dirompak ketika bercuti, disamun, diragut ketika membeli belah juga menjadi 'mangsa siber'.

Tahun baru! Azam pun baru!! Keinginan juga bertambah tetapi semuanya bergantung kepada kemampuan diri sama ada dari aspek kewangan mahupun keperluan semasa. Dalam kesibukkan kita menjejaz kesenangan dan cita-cita, jangan sesekali leka dengan keselamatan diri serta keluarga.

Jika sebelum ini, saya kerap memberi penekanan kepada soal *survival* seperti ancaman nyawa, jenayah jalanan, simbahen asid, keganasan rumah tangga, serangan serta gangguan seksual dan pencegahan jenayah. Kali ini saya mahu membicarakan satu permasalahan yang perlu diberi perhatian serius iaitu jenayah siber.

Disebabkan keinginan yang tinggi dan tidak mengukur kemampuan diri, ramai diantara kita menjadi mangsa siber. Ada yang dipedaya kenalan internet dan akhirnya menjadi mangsa 'keldai dadah'. Bukan itu sahaja, kerana mahu jalan singkat untuk menjadi kaya, akhirnya menjadi mangsa 'skim cepat kaya'. Lebih menyedihkan, ada juga kes wanita yang menjadi mangsa 'cinta Internet' hinggalakan gambar aksi peribadi mereka dimuat naik ke laman sosial bertujuan ugutan bagi mendapatkan wang oleh kekasih siber. Apabila ini terjadi, kesannya sangat buruk kepada mangsa serta keluarga dari aspek psikologi dan emosi.

Awat! Mangsa siber atau jenayah siber bukan isu baru. Malah, wujud sejak Internet diperkenalkan. Menurut kajian, sejuta orang di seluruh dunia menjadi mangsa jenayah siber setiap hari. Jenayah siber juga tidak mengenal mangsa. Tidak kira faktor umur sama ada kanak-kanak, remaja, dewasa maupun warga emas, jika terselap langkah semuanya terdedah kepada ancaman siber. Ini bermakna 14 orang menjadi mangsa siber setiap saat. Malu, kecewa, sedih, marah dan tertekan adalah antara kesan psikologi yang dihadapi mereka yang mengalami 'peristiwa pahit' di alam siber. Apa juga bentuk kes jenayah siber yang dialami, tetap mengundang rasa kecewa kepada mangsa. Walaupun banyak kebaikan dan manfaat yang diperolehi daripada kecanggihan teknologi ini, jika disalah gunakan atau berlebihan pasti mendatangkan kemudaratan berpanjangan. Jangan sesekali menyalahkan teknologi kerana manusia diberikan akal untuk berfikir. Apabila membincangkan mengenai jenayah siber, pasti ramai beranggapan majoriti mangsanya adalah wanita. Sangkaan ini ternyata silap kerana hakikatnya golongan lelaki lebih terdedah pada jenayah di alam maya.



www - Cyber Crime
P-192-193

Sukar dibendung dan langkah cegah menjadi 'mangsa siber'. Antara beberapa faktor yang dikenal pasti ialah:

1. Sukar dikenal pasti siapakah penjenayahnya?

Siapakah penjenayah siber? Apakah jenayah yang dilakukan? Di mana jenayah dilakukan? Soalan yang sukar dijawab. Jika jenayah lain senang dikenali, misalnya perompak tentu memegang senjata, penculik tentu meminta wang tebusan. Tetapi, bagaimana mengenali penjenayah siber? Masalah utama untuk membezakan ancaman siber dengan ancaman fizikal adalah untuk menentukan siapa yang menyerang sistem kita, mengapa, bagaimana dan dari mana? Mungkin perlakuannya kawan atau kekasih, bekas suami atau isteri, rakan perniagaan atau siapa sahaja.

2. Sikap manusia

Sikap manusia memang sesuatu yang sukar dikawal. Kita tidak boleh mengubah kelakuan seseorang, melainkan orang itu sendiri mengubahnya. Jenayah siber sering dilakukan individu yang mempunyai kelakuan negatif. Mereka menyerang sistem hanya sekadar suka-suka ataupun mencuba ilmu yang baru mereka pelajari.

Ada segelintir penjenayah siber ini yang mungkin berendam dengan mangsa kerana sejarah lampau. Selalunya, mereka yang berendam ini akan melakukan apa sahaja melalui Internet bertujuan memalukan mangsa. Langkah mudah boleh diambil bagi memastikan keluarga anda kekal selamat

dan tidak menjadi mangsa siber. Sebagai ibu bapa, anda harus mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelak dari menjadi mangsa. Antaranya seperti berikut ini:

- Jangan mudah terpengaruh dengan pelawaan atau kata-kata manis rakan Internet yang baru dikenali. Banyak kes keganasan seperti serangan seksual dilaporkan apabila mangsa bertemu rakan Internet seperti cabul, perkosa dan samun.
- Jangan sesekali terpedaya dengan tawaran yang mencurigakan seperti melancong keluar negara secara percuma dan membawa barang atau hadiah kepada atau daripada seseorang. Jangan jadi orang perantaraan. Anda mungkin menjadi mangsa 'keldai dadah'.
- Elak memuat naik foto peribadi atau keluarga, foto rumah atau kawasan rumah, kenderaan atau barang berharga di laman sosial. Mungkin anda individu yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan melakukan ancaman seperti ugutan, pengubahsuaian foto (*superimpose*) dan lain-lain.
- Pantau anak ketika melayari Internet. Jadi rakan mereka melalui laman sosial untuk mengetahui dengan siapa mereka berhubung atau berkawan. Dengan cara ini, kita boleh mengetahui aktiviti yang berlaku dan corak mereka berbuai melalui laman sembang.
- Sangat penting untuk mengetahui latar belakang rakan Internet anda. Keghairahan untuk mendapatkan seramai mungkin rakan di laman web sosial seperti Facebook sehingga mencecah beribu orang mungkin memberi kesan buruk. Jika dihitung kawan sebenar kita di alam nyata, mungkin kita tidak mempunyai kawan seramai itu. Kita mungkin hanya mempunyai beberapa puluh rakan sahaja yang sering kita jumpa.
- Jangan balas mesej yang bertanya mengenai maklumat diri anda. Terutama maklumat kewangan, contohnya akaun bank anda. Jika anda was-was, jangan sesekali beri maklumat melainkan boleh dipercayai seperti laman web sah, contohnya laman web kerajaan.
- Jangan berkongsi masalah peribadi dengan orang yang tidak dikenali, melainkan anda bersedia menghadapi bahayanya. Ada segelintir manusia yang akan mengambil kesempatan ke atas seseorang yang menghadapi masalah kecewa bercinta atau masalah rumah tangga dan berpura-pura mahu berkongsi masalah. Tetapi akhirnya mangsa kecondang

dengan kata-kata manis dan pujuk rayu diluahkan. Berhati-hati dengan perkara sebegini, tidak semua orang yang berada di alam maya boleh dipercayai 100 peratus.

- Pilih nama yang tidak melambangkan jantina anda apabila bersembang. Cara ini boleh mengurangkan risiko, memandangkan penjenayah siber (lelaki) akan mencari mangsa (perempuan) melalui nama singkatan (*nickname*).
 - Simpan mesej yang mengganggu dan mengancam anda. Jika anda menerima apa-apa mesej dari laman web yang tidak kenali dan mengancam anda. Jangan berlengah, segera, emelkan kepada *Malaysia Computer Emergency Response Team [MyCERT]* di cyber999@cybersecurity.my.
 - Lakukan carian ke atas diri anda menggunakan enjin carian yang terdapat di Internet sebagai contoh Google bagi memastikan tiada maklumat peribadi berkenaan diri anda dipaparkan individu yang tidak bertanggungjawab. Jika anda maklumat anda yang tersebar di sesetengah laman tanpa pengetahuan atau kebenaran, dapatkan khidmat nasihat daripada *Cyber Security Malaysia*.
 - Jika melayari sesuatu laman web, anda berasa ada yang tidak kena dan kurang selesa, segera log keluar dari laman itu. Tutup laman itu sekiranya tidak berkaitan.
 - Elakkan melayari laman web lucah kerana melalui laman web ini ramai penjenayah yang tidak sedari menggunakan taktik mudah untuk memperdayakan kita. Pada masa sama mendatangkan bahaya pada komputer anda, lazimnya laman web ini menyebabkan komputer menerima virus.
 - Selepas selesai melayari sesuatu laman web, pastikan log keluar. Pastikan juga webcam komputer anda sentiasa 'off' atau log keluar. Ada banyak kes yang dilaporkan di mana ada pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menggodam (*hacking*) komputer anda ketika menggunakan webcam seperti SKYPE dan slain-lain. Aksi anda di hadapan komputer mungkin dirakam atau terakam tanpa disedari kerana beranggapan telah ditutup tetapi sebaliknya yang berlaku dan tersebar di alam maya dalam waktu singkat.
- Dalam dunia tanpa sempadan, serangan atau ancaman siber mungkin dilakukan beribu-ribu batu jauhnya. Atau pun orang di sebelah kita dan malang sekali kita sukar mengenali siapa mereka dan dari mana mereka mengancam kita. Bagaimanapun, kita harus mengambil langkah melindungi hak sendiri. *Be smart! Be safe!*

Gambar hiasan

CSR No 0000270246